

## **TINGKAH LAKU BERETIKA DAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DALAM KALANGAN MAHASISWA TAHUN AKHIR PROGRAM KERJA SOSIAL**

*(Ethical Behaviour and Leadership among Social Work Final Year Students' Program)*

Nazihah Binti Kamarudin, Fauziah Ibrahim & Nur Saadah Mohamad Aun

### **ABSTRAK**

Tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan merupakan aspek penting dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial yang bakal menempuh alam pekerjaan sebagai pekerja sosial profesional. Oleh itu, artikel ini disediakan bertujuan untuk mengukur tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir yang sedang mengikuti pengajian kerja sosial di UKM. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan keratan-lintang (*cross-sectional survey*). Seramai 30 orang mahasiswa program kerja sosial tahun akhir Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dipilih sebagai responden kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Analisis kajian menunjukkan bahawa mahasiswa kerja sosial tahun akhir menunjukkan tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan pada tahap sederhana ke tahap yang tinggi. Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak pengurusan universiti khasnya pengurusan program kerja sosial untuk menambahbaik program-program yang boleh membantu meningkatkan tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa program kerja sosial di UKM.

**Kata kunci:** tingkah laku beretika, keupayaan kepimpinan, mahasiswa kerja sosial, UKM, kuantitatif

### **ABSTRACT**

Ethical behaviour and leadership is essential for social work final year students in order to become a professional social worker. Therefore, this article aims to identify levels of ethical behaviour and leadership among social work final year students that are currently enrolled in UKM. The study was carried out using a quantitative cross-sectional survey. A total of 30 social work students from the Faculty of Social Sciences and Humanities were selected to participate in this study. Data were analyzed using descriptive statistics. Results for the descriptive statistics reveal that majority students reported moderate to higher levels of ethical behaviour and leadership. Findings of this study make contribution to the top management of the university especially the management of social work program to create programs in order to increase the ethical behaviour and leadership skills among social work final year students' program in UKM.

**Keywords:** ethical behaviour, leadership, social work students, UKM, quantitative

## PENGENALAN

Profesional kerja sosial merupakan profesion yang bertanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan secara berkesan bagi memenuhi kebajikan individu dan masyarakat. Menurut Ismail (2002), pertambahan bilangan universiti yang menawarkan program kerja sosial dilihat memberi petunjuk jelas bahawa kerja sosial sebagai bidang yang boleh merealisasikan hasrat kerajaan untuk membantu meningkatkan keupayaan insan bagi mencapai kesejahteraan hidup masyarakat. Oleh itu, seorang pekerja sosial yang memberikan perkhidmatan secara profesional perlu mempunyai tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan yang baik untuk memenuhi keperluan klien dan masyarakat yang dibantu. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010), mendefinisikan kerja sosial sebagai satu profesion yang menggalakkan perubahan sosial, menyelesaikan masalah dan mengembalikan kefungsian sosial seseorang individu. Manakala Saparin (2014) pula menganggap kerja sosial sebagai bidang profesion yang memberi penumpuan terhadap aspek perkhidmatan manusia dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan kes yang dikendalikan oleh pekerja sosial di jabatan tersebut. Kanak – kanak, warga emas, penerima bantuan dan pendaftaran OKU merupakan antara golongan sasaran yang menunjukkan peningkatan kes saban tahun berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh JKM. Ini juga turut menunjukkan berlakunya peningkatan pengendalian kes oleh pekerja sosial di JKM.

Sebagai contoh, kes kanak – kanak telah meningkat dari 8,425 kes pada tahun 2009 kepada 12,783 kes pada tahun 2013. Berdasarkan kepada isu tersebut, adalah penting untuk mahasiswa kerja sosial tahun akhir yang hampir menamatkan pengajian di Universiti Awam (UA) mempamerkan tahap kecekapan yang tinggi dari aspek tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan agar mereka dapat bersedia secara profesional untuk membantu menangani jumlah kes yang kian meningkat selari dengan bebanan kerja yang tinggi dalam profesion berkenaan kelak. Justeru itu, mahasiswa kerja sosial yang berada di tahun akhir dan bakal meneraju bidang kerja sosial secara profesional ini perlu mempunyai tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan yang baik supaya mereka dapat mempersiapkan diri apabila menjadi seorang pekerja sosial kelak.

Demi melahirkan seorang pekerja sosial yang kompeten dan cekap dalam profesion kerja sosial, mahasiswa kerja sosial perlu dipupuk bagi meningkatkan tahap kecekapan dalam mengendalikan tugasannya mereka di universiti. Tingkah laku beretika merupakan aspek penting yang sudah seharusnya diterapkan dalam diri mahasiswa kerja sosial supaya mereka mampu menjalankan praktis dengan mengamalkan sifat menghormati klien dan menjalankan tugasannya dengan penuh beretika (Eleni, 2016). Kamri (2008) mendefinisikan etika sebagai satu set nilai, norma dan asas moral yang menjadi penentu kepada sesuatu tindakan individu untuk membezakan sesuatu perkara sama ada betul atau salah dan baik atau buruk. Hassan, Silong dan Muslim (2009), pula mendefinisikan etika sebagai suatu situasi di mana seseorang itu mempunyai keupayaan untuk membezakan antara yang baik dan buruk sesuatu perkara dan seterusnya memilih untuk melakukan perkara kebaikan.

Pemahaman mahasiswa kerja sosial terhadap tingkah laku beretika adalah penting supaya mereka dapat menjalankan tugas secara beretika dan dapat mengenalpasti sempadan antara pekerja sosial dan klien apabila menjadi seorang pekerja sosial kelak (Knowles dan Cooner, 2016). Tingkah laku beretika yang ada dalam seseorang mahasiswa kerja sosial yang bakal menjadi pekerja sosial dan akan mengamalkannya ketika praktis kerja sosial hendaklah berdasarkan kepada kod etika kerja sosial yang telah ditetapkan. Duboi dan Miley (1999)

menyatakan bahawa kod etika mempunyai fungsi – fungsi tertentu di dalam sesuatu profesi termasuk menjadi rujukan dalam pembuatan keputusan, menilai kemampuan individu, pengaturan tingkah laku dan sebagai kayu ukur dalam penilaian sesuatu profesi. Kod etika dalam kerja sosial berkaitan dengan proses sosialisasi profesional dan pendidikan dalam kalangan pekerja sosial (Adi Fahrudin, 1999).

Di Malaysia, belum ada kod etika yang diguna pakai oleh pengamal kerja sosial. Oleh itu, adalah penting untuk mahasiswa kerja sosial tahun akhir untuk mempunyai pemahaman yang menyeluruh berkenaan dengan tingkah laku beretika apabila menjadi seorang pekerja sosial kelak supaya tidak akan berlaku pencanggahan dan dilema yang bakal menjelaskan kompetensi serta tahap profesionalisma mereka.

Selain tingkah laku etika, keupayaan kepimpinan juga perlu wujud dalam diri mahasiswa kerja sosial. Pemimpin berperanan sebagai pembimbing dan penggerak kepada kakitangannya bagi mencapai matlamat organisasi (Mohd Yatim 2006; Bush 2008). Pemimpin yang efektif adalah pemimpin yang mempunyai kompetensi (Hollenback et al. 2006; Bass & Bass 2008; Rothwell 2010). Bagi melaksanakan sesuatu tugas secara efektif, seseorang pemimpin perlu mempunyai kemahiran dan keperibadian yang berkualiti di samping pengetahuan dalam bidangnya (Male 2006). Cribbin (1982) mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses yang membolehkan pemimpin untuk mempengaruhi pekerja melakukan perkara yang perlu diselesaikan mengikut keutamaan. Kepimpinan berkesan dikaitkan dengan sifat, nilai dan tingkah laku yang beretika (Zaharah, Abu Daud & Nazri, 2009). Yukl (1989) mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses mempengaruhi, termasuk kesungguhan untuk mencapai objektif organisasi, memainkan peranan dengan mengagihkan tugas untuk mencapai objektif tersebut dan mempengaruhi kumpulan sesuatu budaya. Keupayaan kepimpinan dalam konteks kerja sosial adalah penting demi menangani isu – isu tertentu seperti masalah perkauman, sistem birokrasi yang terjejas, perkhidmatan sosial yang tidak dijalankan dengan berkesan dan jurang perkhidmatan yang disediakan untuk keperluan tertentu (Lazarri, Colarossi & Collins, 2009; Ospina & Su, 2009). Mahasiswa kerja sosial yang berada pada tahun akhir seharusnya telah dipupuk dengan aspek kepimpinan dalam diri mereka melalui kursus-kursus yang telah dijalani dalam program kerja sosial, tugas dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang menjadi mahasiswa. Ketiadaan keupayaan kepimpinan dalam jiwa mereka boleh menyebabkan mahasiswa kerja sosial tidak dapat menjalankan peranan sebagai pemimpin apabila menjalankan praktis di sektor pekerjaan yang mencabar. Sebaliknya mahasiswa yang mempunyai keupayaan kepimpinan yang baik secara tidak langsung dapat mengerakkan sesuatu program yang dirancang dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran membuat keputusan dalam mengendalikan sesuatu perkara khasnya yang melibatkan kebijakan individu dan komuniti di sekitarnya (Fox & Kang, 2018).

Berdasarkan daripada kajian-kajian lepas, kajian berkaitan dengan tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan yang mengkhusus kepada mahasiswa kerja sosial yang berada di tahun akhir hampir tiada dijalankan sama ada oleh pengkaji di dalam atau di luar negara. Sedangkan aspek ini adalah penting bagi mengukur keupayaan kepimpinan dan tingkah laku beretika dalam kalangan mereka untuk melaksanakan perkhidmatan secara profesional dalam bidang kerja sosial yang kian mendapat perhatian dan diperlukan oleh negara. Berdasarkan kepada jurang kajian terhadap aspek tersebut, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM. Hasil kajian ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada pihak pengurusan tertinggi universiti untuk merancang dan membangunkan program – program yang boleh meningkatkan lagi kebolehpasaran dalam menghasilkan graduan yang

berkebolehan, kompeten dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam profesion dan perkhidmatan menolong.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini berbentuk survei dengan menggunakan tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Penganalisaan data telah dilakukan dengan menggunakan ‘*Statistical Package for Social Science*’ (SPSS). Alat ujian yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tingkah laku beretika: diukur dengan menggunakan skala etika kerja yang diubahsuai daripada Sistem Pengurusan Audit Nilai (ISPAN, 2007), mengandungi 11 item dan mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu 0.756.
2. Keupayaan Kepimpinan: diukur dengan menggunakan alat ujian *Self Leadership Questionnaire* yang dibangunkan oleh Anderson dan Prussia (1997). Soal selidik ini mengandungi 20 item dan nilai kebolehpercayaan instrumen ini adalah baik iaitu 0.7

Kedua-dua alat ujian yang digunakan dalam kajian ini menggunakan skala Likert empat skala dengan pilihan jawapan iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju, (4) sangat setuju. Dalam kajian ini, skor minimum adalah 1, dan skor maksimum adalah 4. Julat antara skor 1 dan skor 4 adalah 3. Julat ini kemudiannya telah dibahagi 3 dan menghasilkan 1. Berdasarkan julat tersebut, tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM telah dikategorikan kepada tiga tahap seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Jadual interpretasi tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM

<b>Skor tahap</b>	<b>Interpretasi tahap</b>
<2.00	Tahap rendah
2.01 – 3.00	Tahap sederhana
3.01 – 4.00	Tahap tinggi

### ***Analisis deskriptif***

Analisis deskriptif menggunakan nilai seperti mod, median, min dan peratus untuk menunjukkan keputusan kepada sesuatu data yang telah diperolehi (Chua, 2014). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai digunakan dalam kajian ini mencapai objektif kajian iaitu mengukur tahap tingkah laku beretika, keupayaan kepimpinan dan pengurusan tugas dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun tiga di UKM.

### ***Populasi dan sampel kajian***

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada mahasiswa kerja sosial yang sedang melanjutkan pengajian di tahun akhir di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Sejumlah 30 orang mahasiswa kerja sosial tahun akhir dipilih secara rawak dan bertujuan sebagai sampel kajian.

### **Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik**

Pada permulaan proses pengumpulan data, pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pihak Pusat Pengajian Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Selepas permohonan menjalankan kajian tersebut diluluskan, pengkaji menetapkan tarikh yang bersesuaian untuk mengumpul data. Selain itu, pengkaji juga menghubungi seorang mahasiswa kerja sosial tahun akhir untuk membantu pengkaji dalam proses mendapatkan data. Pengumpulan data ini dibantu oleh seorang mahasiswa yang mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Sebelum mengedarkan borang soal selidik, pengkaji terlebih dahulu memberi penerangan kepada mahasiswa tahun akhir kerja sosial yang dilantik untuk membantu pengkaji mengedarkan borang soal selidik.

Pengkaji telah memberi taklimat dan menjelaskan beberapa arahan seperti memastikan semua kotak dalam borang soal selidik diisi, soal selidik perlu dijawab dengan jujur dan memulangkan semula borang soal selidik dalam keadaan lengkap. Selepas itu, pengkaji telah mengumpul semua borang soal selidik yang telah diisi oleh responden. Pengkaji kemudiannya melakukan pemeriksaan rapi terhadap setiap helaian borang soal selidik tersebut. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, penyelidik telah memulangkan semula kepada responden dan memastikan mereka menjawab soalan yang tercincir. Melalui usaha ini penyelidik telah memperoleh jumlah sampel yang diperlukan iaitu seramai 30 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

### **Profil Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Tiga**

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti mahasiswa kerja sosial tahun tiga yang terlibat dalam kajian ini adalah berusia 22 tahun (66.7%) dan selebihnya berusia 21 tahun (33.3%). Mahasiswa kerja sosial tahun tiga yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 24 orang mahasiswa perempuan (80%) dan enam orang mahasiswa lelaki (20%). Kesemua mereka adalah berbangsa Melayu (100%) dan masih bujang (100%). Majoriti mahasiswa kerja sosial tahun tiga yang terlibat dalam kajian ini mempunyai nilai CGPA terkini yang baik iaitu 3.00 dan ke atas, iaitu seramai 29 orang (96.7%). Hasil kajian menunjukkan sejumlah 73.3% dalam kalangan ibu bapa mahasiswa kerja sosial tahun tiga adalah masih bekerja dan 26.7% tidak bekerja. Sejumlah 17 orang mahasiswa (56.7%) mengesahkan bahawa mereka mempunyai pendapatan isi rumah keluarga di bawah RM3,860 sebulan dan dikategorikan sebagai kumpulan B40. Manakala sejumlah 43.3% lagi terdiri dalam kalangan kumpulan M40 dengan catatan jumlah pendapatan isi rumah keluarga sebanyak RM3,866 hingga RM8, 319 sebulan.

Jadual 2 : Taburan Profil Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Akhir di UKM

<b>Profil Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Akhir di UKM</b>	<b>(n=30)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Umur		
21 Tahun	10	33.3
22 Tahun	20	66.7
Jantina		
Lelaki	6	20
Perempuan	24	80

Etnik		
Melayu	30	100
Cina	0	0
India	0	0
Lain – lain	0	0
Nilai CGPA Terkini		
2.50 dan kebawah	0	0
2.51 – 3.00	1	3.3
3.01 – 3.50	19	63.4
3.51 – 4.00	10	33.3
Status Perkahwinan		
Bujang	30	100
Berkahwin	0	0
Janda	0	0
Duda	0	0
Status Pekerjaan Ibu Bapa		
Bekerja	22	73.3
Tidak Bekerja	8	26.7
Jumlah Pendapatan Isi Rumah Keluarga Sebulan		
Bawah RM3,860 :kumpulan B40	17	56.7
RM 3,866 – RM8,319: Kumpulan M40	13	43.3

### **Tahap Tingkah Laku Beretika**

Tingkah laku beretika merupakan aspek penting yang perlu ada dalam diri seseorang mahasiswa kerja sosial kerana ia merupakan aspek yang boleh membantu meningkatkan kompetensi dalam mengendalikan urusan terhadap individu dan komuniti secara professional. Etika merupakan satu perkataan yang berasal daripada Greek iaitu “ethos” yang mempunyai definisi iaitu budaya atau keperibadian (Fooi, 2005). Menurut Hassan, Silong dan Muslim (2009), etika didefinisikan sebagai suatu situasi di mana seseorang itu mempunyai keupayaan untuk membezakan antara yang baik dan buruk sesuatu perkara dan seterusnya memilih untuk melakukan yang baik. Dalam kajian ini, tingkah laku beretika merujuk kepada keupayaan mahasiswa tahun akhir kerja sosial untuk mengaplikasi penaakulan moral seperti baik atau tidak baik, tanpa meletakkan hukuman atau nilai kendiri terhadap individu lain. Kajian berkaitan dengan tingkah laku beretika merupakan aspek penting kerana ia dapat membantu mahasiswa untuk lebih memahami tentang tingkah laku beretika apabila berhadapan dengan pelbagai situasi yang memerlukan mahasiswa bertindak dengan penuh beretika dalam mengendalikan sesuatu urusan (Knowles & Cooner, 2016).

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian berkaitan dengan tahap tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM. Hasil kajian menunjukkan majoriti mahasiswa kerja sosial tahun akhir mempamerkan tahap tingkah laku beretika yang sederhana (73.3%) ke tahap yang tinggi (26.7%). Tiada seorang mahasiswa kerja sosial tahun akhir yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap tingkah laku beretika yang rendah. Hasil kajian menggambarkan bahawa aspek tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial di UKM adalah memuaskan dan usaha daripada pihak berkepentingan seperti Ketua Program Kerja Sosial untuk meningkatkan tahap tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun akhir boleh dipertingkatkan.

Jadual 3 : Tahap Tingkah Laku Beretika Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Akhir di UKM

Tahap	n = 30	Peratus (%)
Rendah	0	0
Sederhana	22	73.3
Tinggi	8	26.7
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Nota: (<2.00: tahap rendah, 2.01-3.00: tahap sederhana, 3.01-4.00: tahap tinggi)

Secara terperinci, kajian mendapati bahawa kesemua mahasiswa kerja sosial tahun akhir di UKM setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka boleh menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan menghargai bantuan serta pertolongan daripada orang lain (100%-item 1 dan 8). Sejumlah 96.6% dalam kalangan mahasiswa juga setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mampu menyelesaikan sesuatu perkara dengan mudah (item 2), merupakan seorang yang menepati masa (83.4%-item4), menggunakan kemudahan kolej bagi tujuan peribadi (90.0% - item 5), boleh menerima teguran dengan baik (73.3%-item 6), seorang yang tidak sompong (83.4%-item 11) dan boleh berkongsi kejayaan bersama dengan orang lain (70.0% - item 7).

Walaupun hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa tahun akhir yang terlibat dalam kajian ini mempamerkan tingkah laku beretika yang memuaskan, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkepentingan dalam membantu meningkatkan tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial. Antaranya kajian ini mendapati sejumlah 50% dalam kalangan mahasiswa masih dilihat tidak bersedia untuk menerima tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan (item 3), 46.6% mengakui bahawa mereka sering merungut tentang sesuatu tugas yang diberikan kepada mereka dan 46.6% tidak sanggup bekerja lebih masa tanpa mengharapkan ganjaran (53.3% - item 10).

Jadual 4 : Peratus Tingkah Laku Beretika Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Akhir di UKM

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	Saya:	P(%)	P(%)	P (%)	P(%)
1.	boleh menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan.	0.0	0.0	46.7	53.3
2.	tidak mengambil mudah dalam menyelesaikan sesuatu perkara.	0.0	3.3	43.3	53.3
3.	menerima tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.	0.0	50.0	36.7	13.3
4.	seorang yang menepati masa.	0.0	16.7	66.7	16.7
5.	menggunakan kemudahan kolej untuk tujuan peribadi.	0.0	6.7	90.0	3.3
6.	menerima teguran secara baik.	0.0	13.3	73.3	13.3
7.	berkongsi kejayaan bersama dengan orang lain.	0.0	10.0	70.0	20.0
8.	menghargai bantuan dan pertolongan orang lain.	0.0	0.0	46.7	53.3
9.	sering merungut tentang tugas yang diberikan kepada saya.	10.0	43.3	43.3	3.3
10.	sanggup bekerja lebih masa tanpa mengharapkan ganjaran.	3.3	43.3	53.3	0.0

<b>11.</b>	seorang yang sompong.	33.3	50.0	13.3	3.3
------------	-----------------------	------	------	------	-----

Justeru, program-program yang relevan untuk membantu meningkatkan tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa kerja sosial perlu disusun bagi membantu menambahbaik tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa kerja sosial. Program – program yang dianjurkan hendaklah memfokuskan kepada pemahaman mahasiswa kerja sosial tahun akhir terhadap kepentingan terhadap tingkah laku beretika, bagaimana untuk mengamalkannya serta kesan yang bakal mereka hadapi sekiranya mereka tidak mempamerkan tingkah laku beretika yang baik apabila mereka menjadi seorang pekerja sosial kelak. Selain itu, pemahaman mahasiswa kerja sosial tahun akhir terhadap kod etika kerja sosial juga perlu diberi fokus kerana kefahaman yang mendalam terhadap kod etika kerja sosial akan memberi kesan positif terhadap praktis kerja sosial apabila mereka menjadi seorang pekerja sosial kelak. Hasil kajian seterusnya adalah berkaitan dengan tahap keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa program kerja sosial tahun akhir.

### ***Tahap Keupayaan Kepimpinan***

Kepimpinan berperanan sebagai pembimbing dan penggerak kepada kakitangannya bagi mencapai matlamat organisasi (Mohd Yatim 2006; Bush 2008). Dalam kajian ini, keupayaan kepimpinan merujuk kepada keupayaan mahasiswa tahun tiga kerja sosial memimpin, melakukan perubahan, mengagihkan tugas secara efektif, mengurus hubungan interpersonal dalam kumpulan, berkeyakinan diri, memberi motivasi dan berupaya mendapatkan pengaruh daripada ahli. Jadual 5 menunjukkan tahap keupayaan kepimpinan mahasiswa program kerja sosial tahun akhir di UKM. Hasil kajian yang telah dianalisis menunjukkan majoriti (60%) mahasiswa mempamerkan tahap keupayaan kepimpinan pada tahap sederhana ke tahap yang tinggi (20%).

Hasil kajian juga mendapati bahawa tiada seorang pun mahasiswa yang mempamerkan tahap keupayaan kepimpinan yang rendah. Hasil kajian ini juga mengambarkan tahap keupayaan kepimpinan yang memuaskan dan pihak pengurusan program kerja sosial boleh menambahbaik usaha ke arah pemantapan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa program kerja sosial tahun akhir.

Jadual 5: Tahap Keupayaan Kepimpinan Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Tiga di UKM

<b>Tahap</b>	<b>n = 30</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Rendah</b>	0	0
<b>Sederhana</b>	18	60.0
<b>Tinggi</b>	12	20.0
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Nota: (<2.00 : tahap rendah, 2.01-3.00 : tahap sederhana, 3.01-4.00 : tahap tinggi)

Secara terperinci, Jadual 6 menunjukkan item berkaitan keupayaan kepimpinan yang terdiri daripada beberapa sub iaitu:

### ***Berupaya memulakan dan melakukan perubahan***

Hasil analisis kajian mendapati sejumlah 56.7% mahasiswa tahun akhir kerja sosial setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka berupaya mengambil alih sesuatu kumpulan sekiranya

kumpulan tersebut tidak menunjukkan prestasi yang baik (item 1). Mereka juga dilihat berupaya mengubah tingkah laku ahli kumpulan sekiranya ahli kumpulan berkenaan bertingkah laku negatif (86.6% - item 2) dan sejumlah 73.4% mahasiswa lagi dilihat yakin bahawa mereka boleh mengubah sesuatu perkara di dalam kumpulan walaupun mereka bukan sebagai ketua kumpulan berkenaan (item 3).

#### ***Berupaya memilih ahli kumpulan dan mengagihkan tugas secara efektif***

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa sejumlah 90% mahasiswa tahun akhir kerja sosial merasa yakin bahawa mereka boleh memilih ahli kumpulan untuk membina kumpulan yang efektif (item 4), berupaya mengagihkan tugas kepada semua ahli kumpulan dengan sama rata (80.0% - item 5) dan boleh mengenalpasti ahli kumpulan yang bersesuaian untuk diberikan sesuatu tugas secara spesifik (86.7% - item 6).

#### ***Berupaya membina dan mengurus hubungan interpersonal dalam kumpulan***

Analisis kajian seterusnya menunjukkan bahawa sejumlah 96.6% mahasiswa bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka merupakan seorang yang boleh mewujudkan hubungan yang baik dengan individu yang bekerja dengan mereka (item 7). Selain itu, majoriti mereka juga dilihat yakin bahawa mereka boleh berkomunikasi tentang sesuatu perkara (96.6% - item 8) dan sejumlah 80.0% mahasiswa lagi dilihat berupaya untuk mengurus hubungan dengan semua ahli kumpulan mereka di dalam kumpulan (item 9).

#### ***Menunjukkan kesedaran dan keyakinan diri***

Kajian ini juga seterusnya mendapati bahawa sejumlah 83.3% dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka boleh mengenalpasti kekuatan serta kelemahan diri mereka (item 10). Sejumlah 83.3% mahasiswa lagi percaya dengan kebolehan diri dalam menyelesaikan sesuatu tugas (item 11) dan boleh menghasilkan sesuatu perkara dengan baik berdasarkan kepada situasi yang mereka dihadapi (70% - item 12). Kajian ini juga mendapati bahawa sejumlah 83.3% mahasiswa mengakui bahawa mereka berupaya untuk membantu ahli kumpulan untuk mencapai matlamat berdasarkan kepada pengalaman yang mereka miliki (item 13) dan kesemua mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini pula dilihat berpegang kepada kepercayaan dan nilai terhadap diri (100% -item 14).

#### ***Berupaya memberi motivasi***

Kajian yang dijalankan juga mendapati kesemua mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka berupaya memberi motivasi kepada ahli kumpulan mereka (100% item 15) dan boleh memotivasi ahli kumpulan mereka untuk menjadi lebih bersemangat dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan (100%-item17). Namun walaupun kesemua mereka mempamerkan keupayaan untuk memberi motivasi, hasil kajian juga mendapati bahawa sejumlah 46.7% dalam kalangan mahasiswa yang dilhat masih kurang berupaya untuk memberi motivasi kepada ahli kumpulan untuk memulakan sesuatu perkara baru (item 16).

***Berupaya untuk mendapatkan pengaruh dan persetujuan daripada ahli***

Hasil analisis kajian juga menunjukkan bahawa sejumlah 80% dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial yang terlibat dalam kajian ini setuju dan sangat bersetuju bahawa mereka berupaya membuatkan individu yang bekerja dengan mereka rasa dihargai (item 18) dan sejumlah 63.3% dalam kalangan mereka pula merasa yakin bahawa mereka boleh mendapatkan persetujuan daripada ahli kumpulan lain (item 19). Walaubagaimanapun seramai 43.3% dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial merasa mereka kurang berupaya untuk mengetuai kumpulan dengan persetujuan ahli kumpulan yang lain (56.7% - item 20).

Jadual 6: Peratus Keupayaan Kepimpinan Mahasiswa Kerja Sosial Tahun Akhir di UKM

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Sangat Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat Setuju</b>
		P(%)	P(%)	P(%)	P(%)	
	Saya berupaya untuk:					
1.	mengambil alih sesuatu kumpulan sekiranya kumpulan tersebut tidak menunjukkan prestasi yang baik.	3.3	40.0	46.7	10.0	
2.	mengubah tingkah laku ahli dalam kumpulan jika mereka bertingkah laku negatif.	0.0	13.3	63.3	23.3	
3.	mengubah sesuatu perkara di dalam kumpulan walaupun saya bukan ketua kumpulan.	0.0	26.7	66.7	6.7	
4.	Saya yakin dengan kebolehan saya memilih ahli kumpulan untuk membina satu kumpulan yang efektif dan efisien.	0.0	10.0	63.3	26.7	
5.	mengagihkan tugas kepada semua ahli kumpulan secara sama rata.	0.0	10.0	60.0	30.0	
6.	mengenalpasti ahli kumpulan yang mana bersesuaian untuk saya berikan tugas yang spesifik.	0.0	13.3	56.7	30.0	
7.	mewujudkan hubungan yang baik dengan individu yang bekerja dengan saya.	0.0	3.3	73.3	23.3	
8.	Saya yakin saya boleh berkomunikasi dengan orang lain tentang sesuatu perkara.	0.0	3.3	73.3	23.3	
9.	menguruskan hubungan dengan semua ahli kumpulan di dalam kumpulan saya.	0.0	20.0	60.0	20.0	
10.	mengenalpasti kekuatan dan kelemahan saya.	0.0	16.7	70.0	13.3	
11.	Saya percaya dengan kebolehan saya menyelesaikan sesuatu tugas.	0.0	16.7	60.0	23.3	
12.	menghasilkan sesuatu dengan baik berdasarkan kepada situasi yang saya sedang hadapi.	0.0	30.0	46.7	23.3	
13.	membantu ahli kumpulan mencapai matlamat berdasarkan kepada pengalaman dan kompetensi yang saya miliki.	0.0	16.7	70.0	13.3	
14.	seorang ketua, saya berpegang kepada kepercayaan dan nilai saya.	0.0	0.0	66.7	33.3	
15.	yakin saya boleh memberi motivasi kepada ahli kumpulan saya.	0.0	0.0	76.7	23.3	

16.	memberi motivasi kepada ahli kumpulan dan meyakinkan mereka apabila memulakan sesuatu projek baru.	0.0	46.7	43.3	10.0
17.	memotivasi ahli kumpulan supaya mereka lebih bersemangat melakukan tugas mereka.	0.0	0.0	73.3	26.7
18.	membuatkan individu yang bekerja dengan saya menghargai saya.	0.0	20.0	73.3	6.7
19.	yakin saya boleh mendapatkan persetujuan daripada ahli kumpulan.	0.0	36.7	60.0	3.3
20.	mengetuai kumpulan dengan persetujuan ahli kumpulan yang lain.	3.3	40.0	50.0	6.7

Analisis kajian yang diterangkan secara terperinci ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa kerja sosial tahun akhir mempamerkan tahap keupayaan kepimpinan yang baik dan memuaskan. Namun terdapat beberapa aspek yang boleh ditambahbaik seperti menggilap tahap kepimpinan mereka untuk menjadi pemimpin yang boleh mempengaruhi orang lain disekelilingnya dan berupaya memberi motivasi kepada ahlinya untuk bersama-sama melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan kepada mereka. Selain itu, aspek seperti mewujudkan hubungan yang baik dengan orang di sekeliling mereka juga adalah penting kerana hubungan yang baik adalah permulaan penting untuk mendapatkan kepercayaan seseorang, terutama sekali untuk mendapatkan kepercayaan klien, apabila mereka menjadi seorang pekerja sosial kelak.

Aspek keupayaan kepimpinan ini penting bagi memastikan mahasiswa kerja sosial berupaya mengaplikasi sifat kepimpinan tersebut apabila menjadi pekerja sosial yang profesional dalam berhadapan dengan situasi untuk mengerakkan sesuatu program, meningkatkan kefungsian sosial dan perkhidmatan menolong kepada masyarakat.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa kerja sosial tahun akhir yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan pada sederhana ke tahap yang tinggi. Usaha-usaha dan pendekatan untuk meningkatkan lagi tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial perlu dipertingkatkan lagi melalui kursus-kursus yang disediakan oleh pihak yang berkepentingan bagi memastikan mahasiswa kerja sosial tahun akhir mampu mempamerkan keupayaan kepimpinan dan tingkah laku beretika yang baik.

Aspek ini perlu diberikan perhatian bagi membolehkan mahasiswa yang dilatih dan telah mengikuti bidang kerja sosial ini menjadi seorang pekerja sosial yang profesional setelah menamatkan pengajian dan seterusnya mampu untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan bagi memenuhi kebajikan individu dan kelompok yang dibantu. Tahap kecekapan yang tinggi terhadap aspek tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial boleh membantu mereka menyediakan diri untuk menjalankan tugas sebagai pekerja sosial berdasarkan nilai dan kod etika profesional.

Selain itu, tahap tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan yang tinggi juga secara tidak langsung akan meningkatkan tahap kompetensi mereka apabila mereka menjadi seorang pekerja sosial kelak. Mereka juga seterusnya mempunyai kemahiran dan keperibadian yang baik sebagai seorang pemimpin untuk menghadapi cabaran dalam memimpin dan mengurus institusi kebajikan yang dilihat kian mencabar. Selain itu, mereka juga perlu

menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin dengan baik, tidak kira sama ada di dalam organisasi atau di dalam komuniti.

Hasil kajian ini dilihat memberi implikasi positif ke arah penambahbaikan keupayaan kepimpinan dan tingkah laku beretika dalam kalangan mahasiswa tahun akhir kerja sosial. Hasil kajian ini juga dilihat boleh dimanfaatkan oleh pihak pengurusan program kerja sosial UKM untuk merancang dan membangunkan program – program yang boleh meningkatkan lagi kebolehpasaran dalam menghasilkan graduan yang berkebolehan, kompeten dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam profesion dan perkhidmatan menolong demi mempertingkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Adi Fahrudin. (1999). Komitmen profesional di kalangan pelajar kerja sosial di Indonesia. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Anderson, J. S. & Prussia, G. E. (1997). The Self-Leadership Questionnaire: Preliminary Assessment of Construct Validity. *The Journal of Leadership Studies*, 4(2), 119-143.
- Bass, B. M. & Bass, R. (2008). *The Bass Handbook of Leadership: Theory, Research and Managerial Applications*. Edisi ke-4. New York: Free Press.
- Bush, T. (2008). *Leadership and Management Development in Education*. London: Sage Publications Ltd.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cribbin, J. (1982). *Leadership: Strategies for Organizational Effectiveness*. New York: Amacom.
- Diana-Cristina, B. (2016). To Be A Manager in Social Work Area. *Bulletin of the Transilvania University of Brasov Series VII: Social Sciences & Law*, 9 (58), 117-122.
- Dubois, B. & Miley, K. K. (1999). *Social work: An empowering profession*. (4<sup>th</sup>. Ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Eleni, P. (2016). Using the Critical Incident Technique (CIT) to Explore How Students Develop Their Understanding of Social Work Values and Ethics in the Workplce During Their Final Placement. *The Journal of Social Work Values and Ethics*, 13(2), 56-72.
- Fooi, F. S. (2005). *Etika pengurusan jaminan peningkatan professional*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Fox, D. J. & Kang, L. (2018). Social work leadership: reflections on a student – led conference. *Social Work Education*, 1-15.
- Hassan, Z., Silong, A. D. & Muslim, N. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10, 39-52.
- Hollenbeck, G.P., McCall, W.M. Jr. & Silzer, R.F. (2006). Leadership competency models. *The Leadership Quarterly*, 17(4), 398-413.
- Ismail Baba. (2002). The establishment of council om social work Malaysia. First round-table meeting council on social work education at school of social science. Anjuran Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 17-18 Januari 2002.
- Kamri, N. A. (2008). Kefahaman dan Sambutan Terhadap Kod Etika Islam: Pengalaman Tabung Haji. *Jurnal Syariah*, 16(1), 145-162.
- Knowles, A. J. & Cooner, T.S. (2016). International Collaborative Learning Using Social Media to Learn about Social Work Ethics and Social Media. *Social Work Education*, 1-11.

- Lazarri, M., Colarossi, L., & Collins, K. S. (2009). Feminists in social work: Where have all the leaders gone? *Affilia: Journal of Women and Social Work*, 24, 348-359.
- Male, T. (2006). *Being an Effective Head Teacher*. London: Paul Chapman Publishing.
- Mohd Yatim Nawai. (2006). Implementasi pengurusan perubahan: Kajian tinjauan di pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tesis PhD. tidak terbit. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ospina, S., & Su, C. (2009). Weaving color lines: Race, ethnicity and the work of leadership in social change organizations. *Leadership*, 5, 131-170.
- Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial. 2010. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Selangor.
- Rothwell, W.J. (2010). *Effective Succession Planning: Ensuring Leadership Continuity and Building Talent from Within*. Edisi ke-4. New York: American Management Association.
- Saparin, N. H. B. (2014). Malay Muslim Worldviews: Some thoughts for social work practice in Singapore. *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thoughts*, 33(1), 73-94.
- Skala Etika Kerja (SEK). (2007). Instrumen Sistem Pengurusan Audit Nilai (ISPAN). Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Yukl, G. (1989). *Leadership in organizations* (2<sup>nd</sup> Ed.). Englewood Cliffs. NJ: Prentice Hall.
- Zaharah Hassan, Abu Daud Silong & Nazri Muslim. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organiasi dalam Perkhidmatan Awam. *MALIM*, 10, 39-52.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NAZIHAH BINTI KAMARUDIN**

Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, Bangi Selangor  
nzhah.kamarudin@hotmail.com

### **FAUZIAH IBRAHIM**

Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, Bangi Selangor  
ifauziah@ukm.edu.my

### **NUR SAADAH MOHAMAD AUN**

Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, Bangi Selangor  
n\_saadah@ukm.edu.my